

Faktor penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan: Satu huraian konseptual berdasarkan Teori Volunteer Function Inventory (VFI)

*Factors Influencing Student Involvement in Volunteer Activities: A Conceptual Explanation
Based on the Volunteer Function Inventory (VFI) Theory*

***Nurzaimah Asalal & Stefeny Anak Ripin**

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

Received: 24 July 2024; **Revisions:** 13 May 2025; **Accepted:** 11 Aug 2025; **Published:** 14 Aug 2025

To cite this article (APA): Asalal, N., & Ripin, S. (2025). Faktor penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan: Satu huraian konseptual berdasarkan Teori Volunteer Function Inventory (VFI). *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(2), 97-105. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.8.2025>

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan faktor penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanan di institut pengajian tinggi secara konseptual berdasarkan Teori *Volunteer Function Inventory* (VFI). Teori VFI telah digunapakai bagi membincangkan faktor yang mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam kesukarelawanan. Enam faktor yang disenaraikan dalam teori VFI iaitu nilai, pemahaman, perlindungan, kerjaya, sosial dan peringkat. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, keenam-enam faktor ini dapat mempengaruhi mahasiswa untuk terlibat aktif dalam kesukarelawanan. Secara konseptualnya, terdapat tiga faktor mempengaruhi mahasiswa untuk terlibat dengan kerja kesukarelawanan adalah faktor nilai, mahasiswa menganggap mereka harus memiliki nilai kemanusiaan dan semangat untuk membantu komuniti setempat. Manakala faktor pemahaman, pemahaman yang jelas tentang khidmat sukarela juga membuatkan mahasiswa lebih cenderung untuk terlibat berbanding mereka yang kurang faham tentang kerja kesukarelawan akan menganggap kerja kesukarelawanan hanya kerja yang memenatkan. Seterusnya faktor kerjaya, mahasiswa menganggap kerja kesukarelawanan ini sebagai sambilan dan tidak boleh dijadikan kerjaya menyebabkan mereka tidak mampu bertahan dalam melaksanakan kerja-kerja kesukarelawanan.

Kata Kunci: Kesukarelawanan; Mahasiswa; Teori Volunteer Function Inventory (VFI)

ABSTRACT

This article discusses the factors influencing student engagement in volunteerism at institutions of higher learning based on a conceptual framework derived from the Volunteer Function Inventory (VFI) Theory. The VFI Theory is employed to examine the motivational factors that drive student participation in volunteer activities. According to the theory, six core functions influence volunteerism is values, understanding, enhancement, career, social, and protective. Based on previous studies, these six factors are identified as significant contributors to students' active involvement in volunteer work. Conceptually, three key factors are highlighted as primary influences on student engagement in volunteerism. First, the values factor students perceive that they should embody humanitarian values and possess a sense of responsibility toward supporting local communities. Second, the understanding factor students with a clear comprehension of the purpose and benefits of volunteer work are more likely to engage in such activities, in contrast to those with limited understanding who may view volunteerism as exhausting and unproductive. Third, the career factor some students perceive volunteerism merely as a part-time endeavor with little relevance to their professional aspirations, which contributes to their lack of long-term commitment in volunteer activities.

Keywords: Volunteerism; Students; Theory of Volunteer Function Inventory (VFI)

PENGENALAN

Kesukarelawanan merujuk kepada perbuatan melakukan sesuatu tindakan dengan matlamat untuk membantu individu atau kumpulan tertentu, tidak melibatkan paksaan daripada mana-mana pihak, tidak melibatkan sebarang bentuk bayaran atau ganjaran material, dilakukan secara individu atau kolektif serta dilakukan secara formal atau tidak formal (Normah et al., 2019). Kesukarelawanan bukan satu fenomena baharu dalam masyarakat di mana kewujudannya bermula sejak dari pembinaan tamadun dan pembentukan masyarakat (Aishah Nadirah & Tajul Arifin, 2013; Harris et al., 2016; Azizan, 2016). Kini penerapan kesukarelawanan bukan sahaja kepada kumpulan tertentu, tetapi sudah ada keperluan untuk melibatkan mahasiswa memandangkan mereka adalah individu yang berilmu dan dapat memberikan sesuatu ilmu dan kemahiran yang bermanfaat untuk membantu masyarakat mencapai kesejahteraan.


Penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti sudah pasti membawa kepada kesejahteraan diri dan masyarakat. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan menuntut komitmen daripada sukarelawan mahasiswa daripada pelbagai aspek sama ada masa, tenaga, kewangan, kepakaran, idea dan sebagainya tanpa mengharapkan sebarang balasan terhadap sumbangan yang diberikan (Bastien, 2015; Wu et al., 2016). Justeru, faktor penglibatan mahasiswa dalam kerja kesukarelawanan dilihat mempunyai faktor yang sama. Salah satu teori yang sering digunakan oleh para sarjana untuk membincangkan faktor penglibatan seseorang dalam kerja kesukarelawanan adalah Teori Volunteer Function Inventory (VFI). Batson et al. (2002) dan Dorsch et al. (2002) ada menyatakan seseorang sukarelawan yang berkualiti, memerlukan mereka mampu menghayati beberapa aspek iaitu diri sendiri, masyarakat, persekitaran, sistem, peraturan dan pihak-pihak yang berada dalam persekitarannya (Nor Shafikah & Norlaile, 2021). Pandangan ini tidak jauh berbeza dengan Baum dan Lockstone (2007) serta Pearce (1982) sukarelawan memerlukan cara dan agenda yang tertentu bagi memastikan mereka dapat menyerlahkan potensi diri mereka dengan baik, seperti menyediakan latihan, pendedahan dan juga dari segi galakan.

Meskipun aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa semakin digalakkan dan menerima perhatian daripada pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi, kadar penglibatan mahasiswa masih tidak konsisten dan dilihat berbeza-beza bergantung kepada latar belakang individu, jenis aktiviti dan faktor motivasi tertentu. Terdapat mahasiswa yang terlibat secara aktif, namun tidak kurang juga yang kurang berminat atau hanya menyertai atas sebab keperluan akademik dan paksaan luaran. Hal ini menimbulkan persoalan berkaitan apakah faktor utama yang mendorong atau menghalang keterlibatan mereka dalam kerja-kerja kesukarelawanan secara berterusan dan bermakna. Dalam konteks penyelidikan, banyak kajian terdahulu telah membincangkan kepentingan kesukarelawanan secara umum, namun kajian yang memberi tumpuan khusus terhadap faktor motivasi penglibatan mahasiswa dengan menggunakan pendekatan teori yang mantap seperti Volunteer Function Inventory (VFI) masih terhad, khususnya dalam konteks tempatan. Malahan, kebanyakan kajian hanya menilai kesan penyertaan tanpa meneliti secara mendalam dimensi motivasi yang mendorong tindakan tersebut.

Tambahan pula, kajian yang bersifat konseptual berasaskan kerangka teori VFI masih kurang dibangunkan secara kritikal dan holistik, sedangkan teori ini menawarkan satu pendekatan sistematik untuk memahami pelbagai fungsi psikologi yang mendorong seseorang menjadi sukarelawan, termasuk aspek nilai, pemahaman, perlindungan diri, kerjaya, sosial dan pembangunan diri. Justeru, terdapat keperluan untuk memperkukuh asas teori dalam menjelaskan tingkah laku kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa agar intervensi dan strategi penglibatan yang lebih efektif dapat dibentuk. Justeru, artikel ini akan membincangkan secara konseptual tentang faktor yang melibatkan seseorang individu terlibat dalam kerja kesukarelawanan berdasarkan teori VFI. Teori VFI digunakan agar artikel ini dapat membincangkan dengan lebih terarah dan boleh melakukan perbandingan atau persamaan yang lebih kritis melibatkan penulisan para sarjana yang telah menggunakan teori VFI dalam membincangkan tentang faktor yang mempengaruhi.

Teori Volunteers Function Inventory (VFI)

Teori VFI ini diperkenalkan oleh Clary dan Synder pada tahun 1999 hasil tindakan terhadap penglibatan sukarelawan yang tidak menentu dan tidak konsisten pada masa tersebut. Berdasarkan teori VFI, Clary dan Synder telah mengetengahkan enam faktor untuk memahami motivasi seorang sukarelawan dalam menjalankan kerja sukarela dan teori ini adalah salah satu teori yang paling banyak disebut oleh para sarjana dalam kajian bidang kesukarelawanan dan instrumen yang digunakan secara meluas dalam literatur penyelidikan untuk memahami motivasi asas di sebalik kesukarelawanan.



Rajah 1.1. Teori Volunteers Function Inventory

Dalam kajian Clary dan Synder (1999), *Volunteer Function Inventory* (VFI) meletakkan faktor nilai sebagai faktor utama penglibatan sukarelawan. Individu yang menyertai sukarelawan ingin menzahirkan nilai kemanusiaan dan nilai murni. Individu yang menyertai sukarelawan mempunyai sikap baik serta mempercayai bahawa amalan mulia membantu orang lain adalah tanggungjawab bersama dan mendatangkan kebaikan kepada sukarelawan itu sendiri. Siti Nathrah dan Fuziah (2020) menghuraikan dalam aspek nilai berdasarkan teori VFI ini individu yang mahu melibatkan diri dalam kerja kesukarelawanan lebih banyak didorong oleh faktor nilai iaitu setiap manusia menganggap mereka harus mempunyai nilai kemanusiaan dan nilai yang baik serta ikhlas dalam membantu orang lain. Secara normanya, manusia sememangnya mempunyai sisih yang baik tanpa mengira agama dan bangsa dan keinginan melakukan kebaikan itu ada dalam diri setiap individu.

Faktor kedua dalam teori VFI adalah faktor pemahaman. Menurut teori VFI pemahaman dalam peranan dan tugas sebagai sukarelawan adalah yang paling utama. Individu yang memahami peranan dan tugas mereka serta had dalam kerja sukarelawan lebih bertahan lebih lama untuk terlibat aktif. Kajian yang dilakukan oleh Catia (2024) menunjukkan pemahaman individu tentang tugas dan tanggungjawab yang jelas ini lebih mempengaruhi mereka untuk terlibat lebih lama dan aktif dalam misi-misi kesukarelawanan. Aishah Nadirah dan Tajul (2013) menyatakan faktor pemahaman ini membuat seseorang individu itu lebih suka meneroka dan mengumpul kekuatan serta lebih positif dalam setiap tindakan yang dilakukan. Oleh sebab kerja kesukarelawanan ini adalah satu khidmat yang tidak mendapat bayaran gaji atau upah, ianya sering mempengaruhi pemahaman individu supaya tidak kekal aktif dalam kerja kesukarelawanan kerana ketiadaan imbuhan. Walau bagaimanapun, bagi sisih lain pemahaman seseorang individu yang lebih positif adalah ganjaran dan imbuhan diperoleh dari aspek pahala dan mendapat timbal balik atas segala kebaikan yang dilakukan.

Seterusnya, faktor ketiga adalah faktor perlindungan. Menurut Clary dan Snyder (1999) aspek perlindungan yang menjadi faktor penglibatan dalam kerja kesukarelawanan adalah seseorang individu itu mahu terlibat dengan kerja kesukarelawanan kerana ingin menghilangkan rasa kesunyian, membawa keluar daripada masalah peribadi yang dihadapi serta rasa selamat dengan mengikuti ahli dalam kerja sukarelawan. Khidmat kesukarelawanan sememangnya dilakukan dalam kumpulan dan kebiasaannya ahli mempunyai aura positif dan menyebabkan mereka lebih cenderung terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan (Elias et al, 2016; Niebuur et al, 2019; Stukas et al., 2016). Siti Nathrah dan Fuziah

(2020) menyatakan dalam kerja kesukarelawanan akan lebih mudah mendapatkan rakan-rakan yang lebih positif dan saling membantu antara satu sama lain. Keadaan ini menunjukkan dalam aspek perlindungan, individu merasakan faktor ini juga akan menyebabkan mereka bukan sahaja melakukan kerja-kerja kesukarelawanan sebaliknya dapat mengenali rakan-rakan yang lebih positif dan saling berkongsi.

Faktor keempat yang memengaruhi individu dalam kerja kesukarelawanan dalam teori VFI adalah faktor kerjaya. Kajian yang dilakukan oleh Catia (2024) menunjukkan faktor ini merupakan faktor ketiga yang paling mempengaruhi individu untuk terlibat sebagai sukarelawan. Siti Nathrah dan Fuziah (2020) dan Emmeline (2010) menyatakan faktor kerjaya merupakan faktor yang sering mempengaruhi individu untuk terus terlibat atau sebaliknya dalam khidmat sukarela. Azizan (2016) menyatakan seorang sukarelawan hanya menjadikan khidmat ini sebagai sampingan. Sukarelawan kebiasaannya mempunyai pekerjaan tetap. Situasi ini yang menyebabkan kesukaran seseorang individu untuk kekal dalam khidmat sukarelawan dan mengutamakan kerja hakiki mereka. Seseorang individu pula yang hanya melihat kerja sukarelawanan ini hanya sebagai batu loncatan dalam pengembangan kerjaya mereka dilihat lebih positif dan lebih lama kekal sebagai khidmat sukarelawan (Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Dalam aspek kerjaya juga, lelaki lebih bertahan lama untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan berbanding wanita (Fauziah, Aizan Sofia & Tharshini, 2015). Menurut kajian Fauziah, Aizan Sofia dan Tharshini (2015), wanita yang telah berkahwin dan bekerja lebih cenderung untuk tidak terlibat lagi dalam kerja kesukarelawanan.

Faktor kelima dalam mempengaruhi individu untuk terlibat dalam kerja kesukarelawanan adalah faktor sosial. Siti Nathrah dan Fuziah (2020) menyatakan faktor sosial merupakan faktor yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dengan kerja kesukarelawanan adalah kerana ingin mengukuhkan hubungan sosial dengan persekitaran. Sememangnya menurut Clary dan Snyder (1999) kerja kesukarelawanan dilakukan oleh seseorang individu itu dipengaruhi oleh keinginan mereka untuk mendekati sesebuah komuniti. Individu juga menganggap kerja kesukarelawanan yang boleh diikuti oleh sesiapa sahaja mampu mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran komunikasi dengan aktiviti yang dilakukan bersama. Kajian Catia (2024) menunjukkan seseorang individu itu lebih bermotivasi tinggi dengan adanya faktor sosial ini. Mereka menganggap mereka mampu memberi komitmen kerana aktiviti kesukarelawanan hanya dilakukan ketika waktu lapang dan dapat mengisi harian dengan perkara yang lebih bermanfaat.

Faktor keenam adalah faktor peningkatan. Clary dan Snyder (1999) menjelaskan aspek peningkatan adalah seseorang individu yang mahu terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan adalah disebabkan oleh keinginan mereka untuk meningkatkan pencapaian diri mereka sendiri. Secara normanya, kerja sukarelawan adalah dianggap kerja yang mulia. Justeru, individu yang mahu terlibat dengan kerja kesukarelawanan sudah pasti turut didorong dengan keinginan mereka untuk berkongsi kemahiran atau tenaga yang ada disalurkan kepada komuniti. Kajian Aishah Nadirah dan Tajul (2013) menunjukkan faktor peningkatan sememangnya mempengaruhi individu untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Siti Nathrah dan Fuziah (2020) menyatakan faktor peningkatan adalah merujuk kepada sukarelawan dapat membangunkan dan meningkatkan psikologi diri dalam kerja kesukarelawanan. Walau bagaimanapun, kajian Catia et al. (2024) menunjukkan faktor ini bukan faktor yang signifikan mempengaruhi individu untuk terlibat dalam kerja kesukarelawanan. Dalam kajian Catia et al. (2024), kerja kesukarelawanan hanya dilakukan secara bebas dan tidak terdorong dengan keinginan mahu meningkatkan psikologi sendiri.

Berdasarkan keenam-enam faktor yang disenaraikan oleh Clary dan Snyder (1999) menunjukkan ianya sememangnya mempunyai perkaitan untuk mendorong seseorang individu untuk terlibat dalam kerja kesukarelawanan. Keadaan ini bermaksud, seseorang individu sering terdorong berdasarkan niatnya, fokus dan matlamat tertentu dalam melakukan kerja kesukarelawanan.

Faktor Yang Mempengaruhi Keterlibatan Mahasiswa Dalam Kesukarelawanan

Artikel ini akan membincangkan secara konseptual tentang faktor yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Artikel ini akan membincangkan faktor-faktor ini berdasarkan teori VFI oleh Clary dan Snyder (1999). Beberapa kajian telah dianalisis secara konseptual untuk membincangkan perbezaan dan persamaan hasil-hasil kajian yang dilakukan oleh pelbagai sarjana dalam dan Negara barat (Solihah, Khalid, Abdul, Nadiyah & Noor, 2022; Siti Nathrah & Fuziah

Shaffie, 2020; Aishah Nadirah & Tajul, 2013; Normah & Ain Zahirah, 2021; Nor Shafikah & Norlaile, 2021; Fauziah, Aizan Sofea & Tharshini, 2015; Catia et al, 2024; Elias et al, 2016; Stukas, 2016).

Faktor Nilai

Terdapat pelbagai definisi dan kefahaman tentang nilai. Namun, nilai sering didefinisikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk melihat, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti dan taraf perilaku seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai (Dewan Bahasa, 2022). Berdasarkan definisi ini nilai sering dikaitkan dengan keinginan seseorang melakukan kebaikan dan menunjukkan sikap kemanusiaan yang ada dalam diri seseorang. Sukarelawan yang dikenali sebagai salah satu khidmat murni sering dikaitkan dengan nilai kemanusiaan yang wujud dalam diri seseorang. Keadaan ini ada dinyatakan oleh Clary dan Synder (1999) dalam teori VIF bahawa nilai-nilai murni dan kemanusiaan dipamerkan oleh individu yang terlibat dalam kerja sukarela dan kemanusiaan.

Dalam konteks mahasiswa, mahasiswa sememangnya mempunyai pendidikan yang baik dan sering dilibatkan dengan aktiviti kesukarelawanan. Menyedari keperluan mereka sebagai mahasiswa harus mempunyai sifat kemanusiaan untuk mendekati komuniti. Kajian Normah dan Ain Zahirah (2021), mahasiswa yang mahu mengikuti program kesukarelawanan adalah kerana mereka berasakan mempunyai nilai kemanusiaan sebagai individu yang terpelajar. Kajian ini sama dengan Hasyireen, Siti dan Faridah (2022) yang menunjukkan mahasiswa yang terlibat dalam sukarelawan berupaya untuk mempengaruhi sifat kemanusiaan dan ingin membantu mereka. Pada masa kini, pencapaian dalam akademik bukan sahaja kriteria yang penting dalam membentuk peribadi dan karisma seorang pelajar malah pendidikan luar dewan kuliah juga dilihat amat penting dalam pembentukan IQ dan EQ. Kajian yang dilakukan oleh Fauziah, Aizan Sofea dan Tharshini (2015) menunjukkan sebanyak 39 peratus mahasiswa yang terlibat dalam kerja kesukarelawanan adalah dipengaruhi oleh rasa ingin membantu masyarakat. Selaras dengan definisi yang diberikan oleh Azizan (2011) kesukarelawanan adalah satu aktiviti secara sukarela tanpa didorong serta dipaksa dan tanpa mengharapkan balasan dan ganjaran. Berdasarkan penemuan-penemuan kajian ini menunjukkan faktor nilai ini sering mempengaruhi seseorang individu termasuk golongan mahasiswa untuk terlibat dalam kerja kesukarelawanan.

Faktor Pemahaman

Pemahaman dalam konteks psikologi merupakan kemampuan untuk memahami, menginterpretasikan dan mengaplikasi sesebut informasi yang diterima. Elemen pemahaman sering terkait dengan seseorang individu itu harus diberikan maklumat dan info agar mereka tahu dan memahaminya. Dalam konteks pemahaman dalam aspek kesukarelawanan, mahasiswa sering didedahkan dengan maklumat ini. Malah, sesetengah universiti awam telah menawarkan kursus tentang Kesukarelawanan seperti Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Teknologi MARA, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan lain-lain universiti diperingkat swasta (Normah & Ain Zahirah, 2021). Penawaran kursus ini sememangnya akan memberi kefahaman lagi kepada mahasiswa tentang terma kesukarelawanan termasuk definisi, konsep dan falsafah serta tatacara yang betul dalam bekerja dengan komuniti. Kajian Nor Shafikah dan Norlaile (2021) menunjukkan mahasiswa yang bertahan lebih lama dan aktif dalam kerja kesukarelawanan adalah mereka yang memahami peranan dan tanggungjawab mereka. Begitu juga kajian oleh Fauziah, Aizan Sofea dan Tharshini (2015) menunjukkan 86 peratus mahasiswa yang aktif dengan kerja kesukarelawanan adalah mereka yang mempunyai pengalaman dan pendedahan tentang kerja kesukarelawanan. Kajian ini sama dengan kajian Catia et al. (2024), individu yang memahami peranan dan tanggungjawab berpotensi untuk kekal lebih lama dalam aktiviti kesukarelawanan.

Faktor Perlindungan

Aspek perlindungan dalam konteks teori VIF adalah seseorang individu itu merasakan dengan keterlibatan dalam aktiviti kesukarelawanan mereka mampu mengatasi masalah peribadi dan dukacita yang dihadapi (Clary dan Synder, 1999). Siti Nathrah dan Fuziah (2020) menginterpretasi faktor perlindungan ini sebagai sukarelawan yang menjalankan aktiviti ini adalah didorong untuk mengatasi

masalah peribadi ataupun perasaan dukacita yang dihadapi. Faktor perlindungan ini secara tidak langsung dapat menanam sikap positif dalam diri serta mengelakkan sikap negatif yang sering kali dikaitkan dengan rasa bersalah malah mampu mengurangkan gejala negatif dari persekitaran. Dalam konteks norma sebagai mahasiswa, aspek perlindungan ini mampu mengelakkan mahasiswa dari terjerumus dengan gejala negative dan kurang berkomunikasi dengan orang sekeliling. Faktor perlindungan akan mampu mengelakkan mahasiswa untuk bergaul dengan ramai orang.

Kajian oleh Fauziah, Aizan Sofea dan Tharshini (2015) menunjukkan salah satu faktor mahasiswa terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan adalah boleh berkenalan dengan orang baru. Kebanyakan aktiviti kesukarelawanan mengelakkan pelajar mengikuti program bersama Badan Bukan kerajaan atau dikenali sebagai *Non-Governmental Organisation* (NGO). Keadaan ini dapat membuka ruang kepada pelajar untuk berkenalan dengan orang lain dan saling berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Kajian ini sama dengan Nor Shafikah dan Norlaile (2021) yang menunjukkan mahasiswa cenderung terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan berikutan mampu mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran kehidupan dalam realiti. Begitu juga kajian Normah dan Ain Zahirah (2021) menunjukkan mahasiswa cenderung terlibat dalam kerja kesukarelawanan adalah untuk menghilangkan rasa sunyi dan menghindarkan diri daripada melakukan gejala negatif. Berdasarkan penemuan-penemuan kajian ini menunjukkan mahasiswa memandang faktor perlindungan sebagai faktor yang dapat melindungi mahasiswa daripada melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat dan melihat sebagai kerja sukarelawan adalah kerja mulia dan lebih bermakna.

Faktor Kerjaya

Emmeline (2010) menyatakan fungsi kerjaya berdasarkan teori VIF adalah sebagai salah satu cara sukarelawan mampu membantu meningkatkan prospek kerjaya mereka berasaskan kemahiran atau pengalaman. Pengalaman menjadi sukarelawan mampu mengaplikasikan pengalaman dan kemahiran yang diperoleh dalam sektor pekerjaan. Dalam konteks teori VIF, faktor kerjaya membawa dua situasi. Situasi yang pertama, faktor ini dijadikan sebagai pengembangan kerjaya manakala situasi kedua, faktor kerjaya juga menyebabkan seseorang tidak kekal dalam kesukarelawanan kerana mempunyai bebanan kerja hakiki. Dalam konteks mahasiswa, sememangnya faktor kerjaya adalah paling utama, melalui kerja kesukarelawanan mahasiswa mampu beroleh pengalaman serta kemahiran yang boleh diadaptasi semasa bekerja kelak (Normah & Ain Zahirah, 2021; Fauziah, Anis Sofea dan Thashini, 2015). Kajian Fauziah, Anis Sofea dan Tharshini (2015), faktor kedua yang mempengaruhi mahasiswa dalam kerja kesukarelawanan adalah memperoleh pengalaman yang baru. Mahasiswa juga menyedari khidmat komuniti semasa berada di universiti akan menjadi kepentingan semasa mereka mencari pekerjaan kelak. Walau bagaimanapun, situasi ni berubah apabila seseorang individu sudah mempunyai kerjaya atau pekerjaan tetap. Kajian Catia (2024) menunjukkan individu yang memiliki kerjaya atau pekerjaan hakiki agak sukar untuk kekal lama dalam khidmat sebagai sukarelawan terutama wanita.

Faktor Sosial

Siti Nathrah dan Fuziah (2020) menyatakan faktor sosial merupakan aktiviti sukarela yang dijalankan oleh sukarelawan dan membolehkan sukarelawan tersebut mengukuhkan lagi hubungan sosial dengan sukarelawan lain serta persekitaran. Aspek sosial merupakan kepada hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat dan persekitaran. Kajian Tun Pah dan Lilah (2016) menunjukkan faktor sosial juga membentuk norma luaran positif iaitu masyarakat akan menganggap seseorang suka melibatkan diri dalam kesukarelawanan disebabkan oleh sikapnya yang suka membantu. Kajian Nor Shafikah dan Norlaile (2021) menunjukkan mahasiswa yang terlibat dalam kerja kesukarelawanan didedahkan dengan persekitaran masyarakat yang memerlukan bantuan. Menurut Normah dan Ain Zahirah (2021), manfaat sosial juga boleh dilihat dari segi pengiktirafan dan penghargaan yang kemudiannya dapat meninggikan status sosial mahasiswa dalam kalangan sukarelawan yang lain dan juga masyarakat. Malah, faktor sosial ini sering menjadi faktor utama untuk seseorang itu kekal sebagai sukarelawan berikutan mereka menyedari masyarakat sekeliling memerlukan bantuan daripada mereka. Dalam kajian ini juga menunjukkan mahasiswa berasaskan mereka mempunyai peranan sebagai sukarelawan untuk mengurangkan masalah atau gejala sosial dalam masyarakat. Aktiviti kesukarelawanan juga membantu meningkatkan jaringan sosial mahasiswa yang banyak bekerjasama dengan komuniti dan

NGO. Selain itu, faktor sosial juga mampu membuatkan mahasiswa lebih memahami budaya dan adat resam komuniti lain. Kajian Normah dan Ain Zahirah (2021) menunjukkan mahasiswa yang terlibat dalam kerja sukarelawan turut didorong dengan keinginan mereka bertoleransi dan terbuka terhadap budaya dan adat resam komuniti. Berdasarkan situasi ini menunjukkan mahasiswa juga menganggap dengan melakukan khidmat sukarelawan kepada komuniti dapat membuka ruang kepada mereka mengenali budaya dan adat resam komuniti lain.

Faktor Peningkatan

Dalam aspek peningkatan menurut Clary dan Synder (1999) adalah sukarelawan mampu membangunkan dan meningkatkan psikologi diri melalui aktiviti sukarelawan (Siti Nathrah & Fuziah, 2020). Faktor ini sangat penting dalam kalangan mahasiswa kerana banyak aspek yang boleh dipertingkatkan semasa mereka mengikuti khidmat sukarelawan. Antaranya seperti meningkatkan keyakinan dalam diri sukarelawan kerana mereka berasa lebih positif tentang diri mereka, tidak mengikuti emosi negatif, boleh memberikan kerjasama sepanjang masa kepada orang lain, kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah dan bekerja dalam kumpulan (Azlina et al. 2016; Saifuddin Abdullah (2001). Normah dan Ain Zahirah (2021) menyenaraikan antara kemahiran yang sering diperolehi oleh mahasiswa yang terlibat dalam kerja sukarelawan adalah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, menyelesaikan masalah secara kritis, keusahawanan, pengurusan masa, menyesuaikan diri, mempengaruhi orang lain, membina hubungan dan inovatif. Kemahiran berkomunikasi amat penting dalam keperluan industri dan kepuasan kerja. Impak kepada mahasiswa yang menyertai sukarelawan adalah mereka dapat berbincang dan mencapai kesepakatan. Bukan itu sahaja, semasa terlibat dalam aktiviti sukarelawan, mahasiswa dapat mempelajari untuk memahami masalah yang terjadi. Kemahiran ini juga penting dalam pekerjaan yang mana dalam pekerjaan juga perlu menyelesaikan masalah dengan baik dan adil.

Kajian Saqinah dan Noremy (2020) juga turut mengkaji kolerasi antara kemahiran insaniah dalam penglibatan sukarelawan. Mohamad Hazrul (2012) menyatakan bahawa majikan berpendapat kualiti graduan masih berada pada tahap kurang memuaskan kerana ramai graduan cemerlang akademik namun kemahiran insaniah dan keyakinan diri yang rendah menyukarkan graduan diserapkan dalam organisasi. Oleh hal yang demikian, penglibatan mahasiswa dalam sukarelawan memberi peluang kepada mereka untuk mempraktikkan ilmu di kampus secara lebih konsisten dan juga mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang bermanfaat bagi mengelakkan terjebak dengan aktiviti tidak berfaedah. Melalui aktiviti sukarelawan juga terdapat perbezaan signifikan antara keyakinan diri dan kemahiran insaniah mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam sukarelawan, kajian ini menunjukkan mahasiswa yang terlibat dengan sukarelawan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi berbanding yang tidak mengikuti sukarelawan. Keterlibatan golongan mahasiswa dalam sukarelawan berupaya untuk memupuk nilai moral seperti bertanggungjawab, berdisiplin, ringan tulang, simpati dan banyak lagi.

Selain itu, dalam faktor peningkatan juga mahasiswa didedahkan dalam aspek sikap bertanggungjawab dan memberi komitmen dalam tugas yang diberikan (Normah & Ain Zahirah, 2021). Kerja sukarelawan memerlukan tenaga dan masa yang seharusnya diberikan sepenuhnya semasa melaksanakan aktiviti sukarelawan. Pendedahan dengan kerja sukarelawan kepada mahasiswa ini akan mampu meningkatkan kebolehan mahasiswa memberi komitmen dalam tugas yang dilakukan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan melalui penglibatan dalam aktiviti sukarelawan, mahasiswa mampu beroleh kemahiran sama ada kemahiran teknikal mahupun kemahiran interpersonal yang sememangnya menjadi nilai tambah setelah mencari pekerjaan. Berdasarkan kemahiran yang diperolehi, pihak industri sudah tentu dapat menilai kemampuan mahasiswa dalam menangani tekanan kerja, mengurus masa serta bekerja dalam kumpulan. Hal ini berikutan elemen-elemen ini adalah paling utama setelah mahasiswa berada di dunia pekerjaan sebenar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, teori Volunteer Function Inventory (VFI) menyediakan enam elemen dalam mempengaruhi individu untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Antaranya adalah, nilai, pemahaman, kerjaya, sosial, perlindungan, peningkatan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, sememangnya keenam-enam faktor ini mempengaruhi individu untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Dalam konteks mahasiswa, mahasiswa merupakan mereka yang sedang melanjutkan pengajian peringkat pengajian tinggi. Keenam-enam faktor tersebut juga turut mempengaruhi mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Golongan mahasiswa yang juga merupakan golongan belia selalunya terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan kerana mereka masih mampun dari aspek tenaga, kemahiran dan pengetahuan. Malah, penglibatan mahasiswa ini juga akan menjadi satu titik permulaan kepada mahasiswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenarnya. Pengalaman yang diperoleh juga dapat menjadikan mahasiswa mempunyai nilai tambah dimata majikan kerana kebolehan mereka mendekati komuniti, bekerja dalam kumpulan dan meningkatkan kemahiran teknikal serta interpersonal.

RUJUKAN

- Aishah Nadirah, M.A. & Tajul Arifin, M. (2013). *Motif penglibatan sukarelawan dalam institusi pengajian tinggi*. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conference on Integration of Knowledge, WCiK 2013. Langkawi, Malaysia. 25-26 November 2013.
- Azizan, B. (2016). *Kesukarelawanan*. Pustaka Qarya. Perlis: Kangar.
- Catia, M., Silva, J.T., Jesus, S.N., Ribeiro, C., Estêvão, M.D., Baptista, R., Carmo, C., Brás, M., Santos, R., Nunes, C. (2024). The Volunteer Functions Inventory (VFI): Adaptation and Psychometric Properties among a Portuguese Sample of Volunteers. *Eur. J. Investig. Health Psychol. Educ.* 14, 823–837. <https://doi.org/10.3390/ejihpe14040053>
- Clary, E. G. & Snyder, M. (1999). The Motivations to Volunteer: Theoretical and Practical Considerations. *Current Directions in Psychological Science* 8(5) 156-159. <https://doi.org/10.1111/1467-8721>.
- Emmeline Widjaja. (2010). *Motivation Behind Volunteerism*. CMC Senior Thesis, 4. <http://scholarship.claremont.edu>
- Elias, J.K., Sudhir, P., Mehrotra, S. (2016). Long-Term Engagement in Formal Volunteering and Well-Being: An Exploratory Indian Study. *Behav. Sci.* 6, 20.
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin & Tharshini A/P Sivabalan. (2015). Penglibatan dan Motivasi Sukarelawan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawanan dalam kalangan Mahasiswa. *E-Bangi Journal* 10(1) 084-096. ISSN:1823-884x
- Gage III, R.L. & Thapa, B. (2011). Volunteer motivations and constraints among college students: Analysis of the volunteer function inventory and leisure constraints models. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 41(3), 405-430. <https://doi.org/10.1177/0899764011406738>
- Harris, B., Morris, A., Ascough, R.S., Chikoto, G.L., Elsen, P.R., McLoughlin, J. et al. (2016). History of associations and volunteering. Dalam Smith, D.H., Stebbin, R.A. & Grotz, J. (eds.). *The palgrave handbook of volunteering, civic participation and nonprofit association* [p. 23-58]. Palgrave Macmillan.
- Normah, A. N., Ain Zahirah, M. Z. (2021). Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration* 15, 67-84. [Doi.org/10.22452/1504](https://doi.org/10.22452/1504)
- Normah, A. N. Kamal, M.Y. & Fazil, A. (2019). Contributions Of Volunteering University's Student to National Economy. *International Journal of Asian Social Science*, 7 (12), 971-976. DOI:10.18488/journal.1.2017.712.971.976
- Nor Shafikah, M & Norlaile, S. H. (2021). Pembinaan Kerangka Aktiviti Kesukarelawanan yang Berkesan oleh Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus, Johor Bahru, Johor. *Jurnal Ilmi* 11:105-115
- Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam Menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Litaratur. *Jurnal Pembangunan Sosial* 23 25-38. Doi:10.32890/jps2020.23.2
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi & Azimi Hamzah. (2015). Pengaruh Kepercayaan, Motivasi dan Niat Terhadap Golongan Belia dalam Aktiviti Sukarela di Malaysia. *International Journal of Educational and Training* 1(2) 1-10.

- Stukas, A.A., Hoyer, R., Nicholson, M., Brown, K.M., Aisbett, L. (2016). Motivations to Volunteer and Their Associations with Volunteers' Well-Being. *Nonprofit Volunt. Sect. Q.* 45, 112–132.
- Tajul Arifin, M., & Aishah Nadirah, M.A. (2013). Motif penglibatan sukarelawan suka institusi pengajian tinggi terhadap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (2), 51-59.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan Program Kesukarelawanan di Malaysia: Satu Kajian Emperikal. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(10), 183-194.